

01 DEC 1998

MAHATHIR SAMPAI ANUGERAH REBEN MERAH MEDIA

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyampaikan Anugerah Reben Merah Media 1998 sempena Hari Aids Sedunia hari ini.

Pada majlis yang diadakan di sebuah hotel di sini, Dr Mahathir menyampaikan lebih daripada 10 anugerah kepada wakil-wakil media sebagai menghargai sumbangan cemerlang mereka kepada pendidikan HIV/Aids.

Pada majlis itu juga, isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menyampaikan Anugerah Khas kepada orang perseorangan atas sumbangan istimewa masing-masing dalam HIV/Aids yang memberi faedah besar kepada rakyat Malaysia seluruhnya.

-- BERNAMA

AFY NMO